

OXACIL CAPSULE

Cloxacillin sodium (250mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cloxacillin Capsule
2. Bagaimana Cloxacillin Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cloxacillin Capsule
4. Cara menggunakan Cloxacillin Capsule
5. Semasa menggunakan Cloxacillin Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cloxacillin Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Cloxacillin Capsule

Cloxacillin Capsule digunakan untuk merawat semua jangkitan bakteria.

Bagaimana Cloxacillin Capsule berfungsi

Cloxacillin merupakan sejenis antibiotik penisilin. Ia berfungsi dengan mematahkan pertumbuhan bakteria tersebut.

Antibiotik ini hanya akan merawat jangkitan bakteria dan bukanlah jangkitan *viral* (seperti selsema, demam)

Sebelum menggunakan Cloxacillin Capsule

- Bila tidak boleh menggunakan

Sebelum mengambil Cloxacillin Capsule, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang alahan terhadap *cloxacillin* atau sebarang ubat penisilin yang lain.

Ubat ini mungkin mengandungi bahan tidak aktif yang mungkin anda alah terhadapnya.

Berbincanglah dengan ahli farmasi anda untuk sebarang permasalahan.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan mengambil Cloxacillin Capsule jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Cloxacillin Capsule jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Cloxacillin Capsule

Sebelum anda menggunakan ubat ini, beritahulah kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang sebarang sejarah kesihatan anda terutamanya masalah ginjal.

Kegagalan ginjal berfungsi akan meningkat seiring dengan usia.

Ubat ini disingkirkan dari badan melalui ginjal. Oleh itu, orang yang lebih tua dan bayi yang dikandung akan lebih sensitif dengan ubat ini.

Pengambilan ubat ini semasa hamil hanya akan diberikan jika perlu. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat ubat ini.

Ubat ini akan meresap ke dalam susu ibu. Berundinglah dengan doktor anda sebelum anda memulakan penyusuan badan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sebelum mengambil ubat ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang sebarang ubat yang sedang anda ambil, terutama:

- *chloramphenicol*
- *erythromycin*
- *sulphonamides*
- *tetracyclines*
- sebarang ubat perancang kehamilan (i.e *rifampin* atau *rifabutin*) – *cloxacillin* mungkin akan mengurangkan keberkesanan ubat perancang kehamilan dan menyebabkan seseorang itu hamil. Bertanyalah kepada doktor atau ahli farmasi anda samada anda perlu mengambil sebarang langkah tambahan semasa mengambil antibiotik ini.

• *probenecid*

Pengambilan *probenecid* akan melambatkan proses penyingkiran *cloxacillin* daripada badan, dan akan menyebabkan paras antibiotik yang tinggi dalam saluran darah anda.

Risalah ini tidak mengandungi semua maklumat tentang Cloxacillin Capsule. Oleh itu, sebelum menggunakan ubat ini, sila beritahu kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang ubat-ubat lain yang anda sedang ambil. Simpan senarai ubat anda anda berkongsilah senarai tersebut dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Cara menggunakan Cloxacillin Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos yang disarankan:

Dewasa: 250-500mg setiap 6 jam sebelum makan. Had pengambilan dewasa biasa: Sehingga 6 g setiap hari.

Kanak-kanak: Bayi dan kanak-kanak sehingga 20kg berat badan: 12.5mg / kg berat badan setiap 6 jam sebelum makan. Kanak-kanak dengan berat badan melebihi 20kg: 250-500mg setiap 6 jam sebelum makan.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaa ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan muntah dan cirit-birit yang teruk.

Semasa menggunakan Cloxacillin Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Cloxacillin Capsule.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Cloxacillin Capsule dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Cloxacillin Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kejang lebih cenderung berlaku pada pesakit yang menerima ubat dengan dos yang tinggi dan/atau pesakit dengan gangguan fungsi buah pinggang yang teruk

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan daripada senarai, sila berhenti pengambilannya. Jika kesan-kesan ini bertambah teruk, berjumpalah dengan doktor anda secepat mungkin:

- Sakit dibahagian gastro – cirit-birit, kembung
- Sakit kepala
- *Candidiasis* di bahagian mulut – sakit mulut, terdapat bintik putih di dalam mulut atau atas lidah
- *Candidiasis* faraj

Senarai ini merupakan kesan-kesan sampingan yang biasa. Jika kesan-kesan ini menjadi teruk atau anda mendapat sebarang kesan selain daripada senarai ini, silalah rujuk dengan ahli farmasi atau doktor anda.

Cloxacillin Capsule boleh menyebabkan alahan teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Cloxacillin Granules dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- Kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Cloxacillin Capsule

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna merah/kelabu bertanda 'CLOX/250'

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Sebiji Oxacil Capsule mengandungi 250 mg cloxacillin.

Bahan tidak aktif:

- Magnesium Stearate
- Lactose Monohydrate

- Nombor MAL

MAL19860041AZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
Lot 2599 Jalan Seruling 59, Kawasan 3,
Taman Klang Jaya, 41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

16/02/2024

Serial Number

NPRA(R4/1)150620/00091